

**ISTANA SIAM DAN  
KESUSASTERAAN MELAYU: SATU PENGALAMAN  
DARIPADA CERITA-CERITA PANJI**

*oleh*

**Prof. Madya Rattiya Saleh  
(Thailand)**

Sastera Melayu tradisional yang berkembang luas telah mendapat tempat yang wajar di Thailand, <sup>1</sup> khususnya di kalangan kerabat diraja Siam seperti cerita-cerita lipur lara Melayu yang berjiwa Jawa-Hindu. Maksudnya ialah cerita-cerita lipur lara yang umumnya dikenali dengan nama cerita panji dalam bahasa Jawa. Cerita-cerita tersebut telah dihasilkan mengikut selera dan cita rasa para pujangga Thai sama ada melalui proses penyaduran, penyesuaian atau penterjemahan dan diberi judul 'Inau' dalam bahasa Thai.

**Istilah 'panji' dan 'Inau' dalam pengertian orang Thai**

Cerita-cerita panji (CCP) atau Inau memangnya berasal dari Jawa tetapi dikatakan sudah dikenali oleh masyarakat Thai sejak berabad-abad yang lampau. Mereka mengenalinya melalui sastera lisan, wayang kulit, mak yong dan 'lakhon nai' (drama istana Siam). CCP atau Inau dalam bentuk tulisan (bahasa Thai) dijangka muncul sekurang-kurangnya dalam zaman pemerintahan Phracau Yu Hua Barommakot (1732 - 1758), iaitu pada akhir zaman kerajaan Ayutthaya. Naskhah-naskhah tersebut itu ialah *Dalang* (the greater tale of Inau) dan *Inau* (the lesser tale of Inau). Kedua-dua buah naskhah ini dihasilkan oleh dua orang puteri Phracau Yu Hua Barommakot yang bernama Chaufa Ying Kunthon dan Chaufa Ying Mongkut. <sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Istilah 'Siam'; digantikan dengan istilah 'Thai' pada tahun 1932 Masihi.

<sup>2</sup> Rattiya Saleh, *Panji Thai dalam Perbandingan dengan Cerita-rerita Panji Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 179.

Apa yang harus ditegaskan di sini ialah berkenaan dengan panggilan nama cerita itu sendiri. Pada umumnya, orang-orang Thai yang berbahasa Thai lebih mengenali cerita panji dengan nama `nithan Inau' (cerita Inau). Orang-orang Thai yang berbahasa Melayu dialek Patani (MDP) yang menduduki kawasan Thailand selatan, mengenalinya pula dengan nama `ceghito Ino' (cerita Inu). Sebaliknya, kalau dimajukan dengan nama cerita panji, mereka akan memaksudkan hanya kepada cerita panji yang berjudul *Hikayat Panji Semirang* yang disebut `Pan-yi Sakmirang' dalam bahasa Thai dan `Pa-nyi Semeghe' dalam bahasa MDP

Istilah `Inu' atau `Inau' ialah nama putera mahkota Ratu Kuripan, iaitu Inu Kartapati dalam CCP Melayu dan Jawa. Penyebutan nama Inau itu muncul mungkin disebabkan oleh tersalah membaca huruf Jawi yang dieja dengan huruf alif-yanun-wau ). Fenomena ini sesuai dengan alasan yang dikemukakan oleh Poerbatjaraka. Beliau mengatakan bahawa,

... cerita panji dibawa ke India belakang dalam tulisan Melayu (huruf Arab). Kerana pertama-tama Inau atau Inao, hanya dapat langsung berasal dari ejaan Melayu bagi nama yang sama, untuk Jawa Inu ...<sup>3</sup>

### **Perkembangan CCP di Istana Siam**

Somdet Phracau Barommawongtheu Krom Phrya Damrong Rachanuphap (1862 - 1943), iaitu putera Baginda Raja Rama IV ada menyebutkan tentang adanya orang-orang yang mengatakan bahawa cerita-cerita Inau telah dibawa masuk ke kota Ayutthaya melalui wanita Islam yang menjadi orang tawanan dari Patani (kerajaan Melayu Patani) dan menjadi hamba kepada puteri Raja Barommakot. Mereka mendapat bahan-bahan tersebut melalui permainan makyung yang dimainkan oleh orang-orang Melayu di Tanah Melayu.<sup>4</sup> Demikian juga Bastian mengatakan bahawa panji itu dibawa oleh seorang Islam yang bernama Yai Yavo dan, diterjemahkan daripada bahasa Jawa (Putera Dhani Nivat me-

---

<sup>3</sup> R.M. Ng. Poerbatjaraka. *Tjerita Pandji dalam Perbandingan, Gunung Agung, Djakarta, 1968, hlm. 409.*

<sup>4</sup> Somdet Krom Phraya Damrong Rachanuphap, *Tamnan Lakhon Ruang Inau*, Edisi ke-4, Khlang Witthaya, Bangkok, 1965, hlm. 102 - 5.

yakinkan bahawa bahasa Jawa di sini ialah bahasa Melayu) ke dalam bahasa Thai dengan tujuan untuk dipentaskan.<sup>5</sup>

Pada hemat penulis, mungkin nama Yai Yavo di sini ialah Yai Jawa. Perkataan `yai' dalam bahasa Thai bermakna nenek. `Yavo' mungkin datangnya daripada perkataan `Jawa'. Oleh sebab dalam bahasa Thai tidak mempunyai fonem /j/ maka seperti biasa /j/ selalunya digantikan dengan /y/. Misalnya nama negeri Johor, orang-orang Thai menyebutnya YAK-HO demikian juga istilah asing yang dipinjam daripada bahasa Inggeris, iaitu bagi perkataan `jean'/jin/ disebutkan /yin/. Dengan cara yang demikian, Yai Yavo di sini boleh bermaksud nenek Jawa, iaitu seorang perempuan tua yang tinggal di istana tuan puteri raja Siam (Ayutthaya) dan dirinya digelar YAI YAVO. Puteri-puteri yang dirujukkan itu tidak lain dan tidak bukan ialah Tuan Puteri Kunthon dan Tuan Puteri Mongkut.<sup>6</sup>

Bukti-bukti yang dapat meyakinkan bahawa CCP telah muncul di kota Ayutthaya dapat juga dilihat daripada sebuah puisi klon dalam kolofon yang tersurat dalam naskah Inau yang dihasilkan oleh Phrabat Somdet Phraphutthaletla Naphalai (Baginda Raja Rama II) yang berbunyi seperti berikut:

*An Inau au ma tham pen khamrong  
Samrab ngan kan chalong kong kuson  
Khrang krung kau cau satri the niphon  
Te ruang ton tok hai phlad phrai pai.*<sup>7</sup>

(Inau yang dinyanyikan  
Buat merayakan pesta besar-besaran  
Gubahan *cau satri* zaman *krung kau*  
Namun yang asalnya telah pun hilang)

---

<sup>5</sup> Prince Dhani Nivat, "Siamese Versions of the Panji Romance", India Antique, Leiden, 1947, him. 101.

<sup>6</sup> Rattiya Saleh, Panji Thai dalam Perbandingan dengan Cerita-cerita Panji Melayu, hlm. 45.

<sup>7</sup> Phrabat Somdet Phraphutthaletia Naphalai, Inau, edisi ke-11, Sillapabannakha4 Bangkok, 1971, hlm. 1206.

Satu bukti lagi didapati daripada sebuah karya Phrak Mahanak Wat Tha Sai yang berjudul *Punnawat Kham Chan*.<sup>8</sup> Karya ini juga dihasilkan ketika zaman pemerintahan Raja Barommakot yang menyentuh tentang peristiwa perayaan Phrakphutthabat (bekas tapak kaki Buddha) di wilayah Sakburi. Kandungan puisinya adalah seperti berikut:

*Rong ruang Raden doi Bussaba tuknangan*

*Phaphak khuhan - phot ruam redi chom*<sup>9</sup>

(Menyanyi lagu Raden (Inau) dengan Bussaba bertunangan

ke dalam gua dibawahnya masuk menempuhi bahagia bersama)

Kedua-dua bukti tersebut, dengan secara tidak langsung telah memaklumkan bahawa cerita Inau bukan sahaja dipopularkan melalui 'lakhon nai' sebagai hiburan untuk orang-orang di istana Ayutthaya sahaja, tetapi juga telah dimanfaatkan sebagai bahan hiburan untuk mengisi ruang-ruang dalam peristiwa perayaan pada upacara-upacara keagamaan yang dianjurkan oleh rakyat biasa yang tinggal di persekitaran kota Ayutthaya.

### **Naskhah-naskhah Inau Thai Versi Diraja**

Selain dua buah cerita Inau berbentuk *klon bot lakhon* (puisi teks drama) yang dihasilkan oleh dua orang puteri Baginda Raja Barommakot pada zaman kerajaan Ayutthaya itu, didapati ada beberapa naskhah Inau lain yang dihasilkan oleh kerabat diraja Siam yang terkemudian. Naskhah-naskhah tersebut adalah terdiri daripada cerita Inau yang berjudul *Dalang* dan *Inau* ciptaan Phrabat Somdet Phraphutthayodfa Culalok (Baginda Raja Rama I=1782 -1809) dan *Inau* ciptaan Phrabat Somdet Phraphutthaletla Naphalai (Baginda Raja Rama II = 1809 - 1824) kerajaan Rattanakosin. Semuanya tertulis dalam bentuk 'klon bot lakhon'. Naskhah-naskhah yang berbentuk prosa pula merupakan naskhah terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Thai baku. Naskhah-naskhah tersebut terdapat dalam tiga versi yang terkenal, iaitu (1)

---

<sup>8</sup> Phrak Mahanak, *Punnawat Kham Chan*, Sophon Phipatthanakon, Bangkok, 1923, h1m. 40.

<sup>9</sup> *Ibid*

*Phongsawadan Inau Chabab Ari Nakkhara (IAN)*<sup>10</sup> terjemahan Khun Nikon Kan Prakit yang disempurnakan mengikut perintah Putera Damrong Rachanuphaop, (2) *Hikayat Pan-yi Sakmiran*<sup>11</sup> terjemahan Somdet Phracau Baromwongthe Caufa Bariphath Sukhumaphan Krom Phranakhonsawanworaphinit, dan (3) *Hikayat Pan-yi Sakmirang (Hikayat Panji Kuda Semirang)*<sup>12</sup> terjemahan ringkas yang dihasilkan oleh Phrawarawongthe Krommamun Phitthayalap Phrittayakon.

Antara naskhah terjemahan itu, naskhah IAN merupakan satu-satunya yang amat menarik. Alasannya ialah (1) naskhah ini kemudiannya didapati berasal daripada naskhah cerita panji Melayu yang berjudul *Hikayat Carang Kulina* (HCK) yang kini berada dalam bentuk manuskrip dan tersimpan di dalam Perpustakaan Nasional, Bangkok, Thailand, (2) naskhah ini disangkakan menjadi sumber kepada cerita Inau Thai ciptaan Baginda Raja Rama II, dan (3) naskhah ini ialah hadiah diraja, iaitu datanginya daripada khazanah keluarga diraja Kedah yang dihadihkan kepada keluarga diraja Siam, kerajaan Rattanakosin, Bangkok. Sehubungan dengan keistimewaan-keistimewaan yang tersebut, maka HCK dipilih untuk diperkenalkan seterusnya. Walau bagaimanapun pembicaraan secara ringkas sahaja dapat dikemukakan.

*Hikayat Carang Kulina* (HCK) adalah sebuah judul cerita panji yang dicatat oleh Werndly dalam kamusnya yang diterbitkan pada tahun 1736 M.<sup>13</sup> Malangnya, beliau tidak menyatakan sama ada teks tersebut berbentuk lisan atau tulisan dan tempat diperolehnya.

*Carang Kulina* berasal daripada dua buah perkataan dasar dalam bahasa Jawa iaitu *Carang* dan *Kulina*. Kedua-dua istilah itu mempunyai lebih daripada satu makna. Oleh sebab itu, ia akan memberikan pentafsiran yang berbeza. Namun demikian, berdasarkan pemakaian nama *Carang Kulina* yang

---

<sup>10</sup> Krom Sillapakon (ed.), *Phongsawadan Inau Chabab Ari Nakkhara*, Krom Sillapakon, Bangkok, 1977.

<sup>11</sup> Kong Wannakam Lek Prawattisat, *Inau Chabab Plae Cak Nithan Hikayat Pan-yi Sakmirang*, Krom Sillapakon, Bangkok, 1997. '.

<sup>12</sup> Krommamun Phitthayalap Phrittayakon, *Wican Nithan Pan-yi Reu Inau, Ruana Phra Ram*, Krom Sillapakon, Bangkok, 1975.

mengkhusus kepada watak Galuh Cendera Kirana, dalam penyamaran dan dipertimbangkan dengan beberapa makna yang terdapat daripada kamus-kamus tertentu, iaitu perkataan Carang Kulina dalam judul cerita ini diandaikan membawa pengertian anak buah kaum keluarga yang baik-baik, terhormat, terkenal dan ternama. Gejala ini merupakan satu fungsi yang memperkirakan kedudukannya sebagai unsur struktur yang sentral.

Hikayat *Carang Kulina*<sup>14</sup> adalah sebuah karya sastera Melayu-Jawa yang tergolong dalam kesusasteraan panji. Hikayat ini termuat dalam manuskrip setebal 513 halaman yang kini masih tersimpan di Perpustakaan Nasional, Bangkok, Thailand dengan nombor Rujukan 54, Bilangan 37, `series' Phongsawadan Cawa (the Javanese Chronicle) yang berjudul Inau. Menurut maklumat yang tercatat pada muka surat hadapan manuskrip itu (seterusnya akan memakai huruf singkat mss.54), pada asalnya naskhah ini adalah kepunyaan Mak Wan, iaitu bonda Cau Phraya Sai (Cau Phraya Ritthi Songkhram), Kedah. Manuskrip ini kemudiannya telah dihadihkan kepada Somdet Krom Phraya Damrong Rachanuphap, iaitu putera Baginda Raja Rama IV dan pada 12 Jun 1910 telah dianugerahkan pula kepada pihak Perpustakaan Nasional. Manuskrip ini (mss.54) berukuran 33 cm x 20 cm dan berkulit keras.

Naskhah ini merupakan naskhah berbahasa Melayu, berak, sara Jawi dan bertulisan tangan. Hurufnya ditulis dengan dakwat hitam, kecuali bagi beberapa perkataan, frasa dan ayat yang tertentu sahaja yang ditulis dengan dakwat merah. Jumlah halamannya ialah 513 dan ditulis pada ruang kertas yang berukuran 28 cm x 15.5 cm yang berwarna putih kekuningan. Bermula dari halaman 1 hingga 469, manuskrip ini mengandungi 33 baris pada setiap halaman dan seterusnya dari halaman 470 hingga 512 mengandungi 32 baris pada setiap halaman. Halaman yang terakhir, iaitu pada halaman 513 mengandungi 11 baris pada bahagian atas, manakala pada bahagian bawah

---

<sup>13</sup> R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*. Oxford University Press, London, 1969, him. 54 dan Malay Works Known to Werndly in 1736 A.D., dim. *JSBRAS*, September. 1920, No. 82, hlm. 162 - 165.

<sup>14</sup> Dalam mss\_ 54, hlm. 512, baris 25, perkataan ini ditulis j.r.n.ng.k.a.l.y.n. Istilah Carang Kulina yang dieja dengan huruf Jawi j.a.r.ng.k.l.y.n. disebut (yarang kalian) oleh orang Thai.

dibiarkan kosong seolah-olah penulisannya terhenti atau terputus secara tiba-tiba. Keadaan ini menjadikan mss. 54 kelihatan kurang sempurna. Pada keseluruhannya, terdapat 12 -13 perkataan pada setiap baris dan bertulisan cantik. Dalam mss. 54, tidak terdapat tanda baca dan tidak berperenggan, manakala kata penarik ditulis secara kata berulang, iaitu diambil perkataan bahagian hujung daripada baris akhir muka surat sebelah kiri ditulis semula pada awal baris pertama muka surat sebelah kanan. Sayangnya tulisan pada beberapa halaman sebelah kiri dan halaman sebelah kanan didapati dakwatnya telah luntur. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kertas dimakan asid dan menyebabkan ia kelihatan comot dan menyukarkan pembacaan.

Isi cerita HCK ternyata panjang (513 halaman) tetapi peristiwa-peristiwanya disusun rapi dan teratur secara kronologis. Ceritanya bermula di negeri Kuripan dengan kisah Betara Kala memerintahkan Betara Kerma Jaya Sakti turun daripada kayangan untuk menjadi raja agung di negeri Kuripan kerana raja di negara tersebut sudah mangkat. Betara tersebut mendapat empat orang putera dan seorang puteri. Putera berempat itu masing-masing dirajakan di negeri Kuripan, Daha, Gegelang, dan Singasari, sementara puteri tunggalnya menjadi permaisuri ratu Bali. Penceritaan selanjutnya diikuti dengan peristiwa pertunangan diraja yang dimungkinkan antara putera puteri ratu negeri agung lima bersaudara sejak mereka masih kecil lagi. Pasangan utama ialah Raden Inu Kartapati (puteri sulung Ratu Kuripan dan Permaisurinya) dengan Raden Cendera Kirana (puteri Ratu Daha dengan Permaisurinya). Percintaan antara pasangan putera puteri itu dirintangi oleh pelbagai gejala buruk yang sengaja dirancang dan dimungkinkan oleh Dewa Betara Kala kerana Ratu Daha terlupa menunaikan kaulnya. Akibatnya pasangan Raden Inu Kertapati dengan Raden Cendera Kirana menjadi sasaran utama sebagai tebusannya. Watak Raden Cendera Kirana umpamanya, dipaksa oleh Raden Inu Kertapati untuk mengiringinya ke Daha sambil dipaksa supaya menyamar sebagai lelaki dan memakai nama Carang Kulina. Puteri jelita itu kemudiannya terpaksa melarikan diri kerana dia tidak sanggup menanggung duka akibat perbuatan Raden Inu Kertapati itu. Peristiwa ini melibatkan beberapa watak lain yang turut

mengembara, bertapa dan berperang. Pada akhirnya, mereka dapat bertemu kembali di Gegelang.

Hasil kajian adalah berdasarkan beberapa fakta sejarah yang berhubungan dengan keterlibatan para kerabat diraja Melayu di istana Kedah dan para kerabat Siam di kota Ayutthaya dan di Bangkok, khususnya yang bergiat dalam dunia kesusasteraan dan kesenian sezaman. Setakat ini dapat dikemukakan bahawa: (1) mss. 54 merupakan hasil salinan oleh penyalin dalam proses *scribe* atau *copyist* dan bukan hasil terjemahan daripada bahasa Jawa, (2) mss. 54 dipindahkan daripada kelir pewayangan maka itu, ia terlibat dengan aspek hubungan di antara penyalin dengan dalang dan khalayak, (3) mss. 54 disalin tidak lama sebelum tahun 1890 A.D. dan masih belum terdapat kenyataan yang jelas tentang pengarang atau penyalinnya, (4) istana Melayu Kedah merupakan pusat yang paling aktif dalam usaha memperkembang cerita panji yang berjudul *Hikayat Carang Kulina* dan kegiatan penyalinan naskhah HCK amat popular di Kedah pada zaman pemerintahan baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah atau Chao Phya Riddisongkham Bakti (1882 - 1942), dan (5) HCK amat berkemungkinan mulai wujud di Kedah sekurang-kurangnya pada zaman pemerintahan baginda Sultan Muhamad Jiwa II (1710 -1778) dan amat popular pada zaman pemerintahan baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (104-143).<sup>15</sup>

## **Penutup**

Kertas kerja ringkas ini mempunyai tujuan utama untuk memperkenalkan sebuah manuskrip kesusasteraan Melayu yang berhijrah dari khazanah kerabat diraja Kedah ke dalam khazanah diraja Siam di Bangkok sejak ratusan tahun dan kini tersimpan rapi di Perpustakaan Nasional, Bangkok,

---

<sup>15</sup> Rattiya Saleh, *Hikayat Carang Kulina: Analisis Teks dan Kesenambungan dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Muslim Patani*, tesis Ph.D., JPM, UKM. 2001, Bab Penutup.



Thailand. Penghijrahannya itu amat dihargai penerima kerana dengan adanya manuskrip mss.54, maka jumlah naskhah cerita Inau atau panji di Thailand dapat bertambah. Cara seperti inilah perlu dijadikan teladan dalam usaha memperkembang kesusasteraan Melayu yang sama-sama kita cintai.

## Rujukan

Damrong Rachanuphap (Somdet Krom Phrya), 1965. *Tamnan Lakhon Ruang Inau*, edisi ke-4. Bangkok: Khlang Witthaya.

Dhani Nivat (Prince), 1947. "Siamese Version of the Panji Romance". Leiden: India Antique.

*Inau*. Mss 54. Bil. 37. Bangkok: Perpustakaan Nasional.

Kong Wannakam Lek Prawattisat, 1997. *Inau Chabab Plae Cak Nithan Hikayat Pan-yi Sakmirang*. Bangkok: Krom Sillapakon.

Krom Sillapakon (ed.), 1977. *Phongsawadan Inau Chabab Ari Nakkhara*. Bangkok: Rongphim Khurusapha.

Mahanak (Phra), 1923. *Punnowat Kham Chan*. Bangkok: Sophon Phiphattanakon.

Phitthayalap Phrittayakon (Krommamun), 1975. *Wican Nithan Pan-yi t, Reu Inau, Ruang Phra Ram*. Bangkok: Krom Sillapakon.

Phraphutthaletla Naphalai (Phrabat Somdet), 1971. *Inau*. Bangkok: Sillapabannakhan.

Poerbatjaraka, R.M. Ng., 1968. *Tjerita Pandji dalam Perbandingan*: Djakarta: Gunung Agung.

Rattiya Saleh, 1988. *Panji Thai dalam Perbandingan dengan Ceritacerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Winstedt. R.O., 1969. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press.